

|||

Soalan No:51

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[BUKIT BENDERA]

**TARIKH :** 28.11.2017

**SOALAN :**

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa bendera parti politik UMNO boleh dipamerkan dalam perkarangan SK Putrajaya Presint 14(1) sementara lagu dan slogan UMNO dilaungkan oleh murid-murid semasa acara rasmi sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program yang telah dijalankan di SK Putrajaya Presint 14(1) merupakan program pertandingan yang bertemakan kemerdekaan negara dan bukan berunsur politik. Program tersebut bertujuan untuk melahirkan generasi Malaysia yang peka tentang sejarah perjuangan kemerdekaan dan pengisian program juga bersesuaian dengan tema pertandingan tersebut. Program itu merupakan program yang dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya.